

KENYATAAN AKHBAR

KARNIVAL SAMBUTAN BANDARAYA

Kalendar Ulangtahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya dirancarkan lagi dengan penganjuran Karnival Sambutan Bandaraya Petaling Jaya pada 23 hingga 24 Jun 2012. Karnival yang berlangsung selama dua hari ini akan diadakan di Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya, Petaling Jaya.

Karnival Sambutan Bandaraya ini diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara masyarakat Petaling Jaya dengan pihak MBPJ dengan mengadakan aktiviti - aktiviti kemasyarakatan meliputi kepelbagaian pengisian program bagi meraikan semua lapisan masyarakat khususnya di Petaling Jaya dan masyarakat luar sempena ulangtahun Bandaraya ke 6.

Pelbagai aktiviti-aktiviti menarik telah disediakan bagi memeriahkan lagi program Karnival Sambutan Bandarya tahun ini. Antaranya Pertandingan Sukan Rakyat, Pertandingan Gubahan Sireh Junjung, Pertandingan Gubahan Bunga Manggar Kreatif, Pertandingan Line Dance, Permainan Silap Mata, Persembahan Badut, Peragaan Busana Muslimah, Pertandingan Produk ADABI, Pertandingan Karaoke Terbuka, Pertandingan & Pameran Kereta Kreatif, Pertandingan pakaian Beragam, Persembahan nyanyian finalis GVOPJ 2012, Persembahan Tarian & Muzik Unplugged oleh kebudyayaan MBPJ dan Festival Jalanan (Majlis kebudayaan Negeri Selangor & Upen).

Karnival Sambutan Bandaraya ini juga turut dirancarkan lagi dengan Kejohanan PJRC Powerboat International Championship 2012. Kejohanan ini telah berjaya menarik minat bukan sahaja dari rakyat tempatan malahan dari luar Negara seperti Thailand, Singapura, Vietnam dan Brunei. Jumlah penyertaan yang telah diterima sebanyak 170 peserta dan sebanyak 450 buah bot akan bertanding. Pemenang bagi kategori Best of the Best bagi kejohanan tahun ini ialah J M.Boat Thailand.

Semasa berlangsungnya karnival ini, pihak penganjur juga telah menganjurkan Pertandingan Sukan Rakyat seperti Galah Panjang, Hantu Cina, Sepakraga Ratus, Bolasepak kain pelikat dan Boling kelapa. Tidak ketinggalan pertandingan Auto-show juga telah berjaya menggamit perhatian anak-anak muda untuk turut serta dalam Karnival ini. Antara acara yang dipertandingkan ialah Pertandingan Auto show (4 kategori), Perodua Open Modified, Proton Open Modified, Open Standart Modified dan VIP Open Modified. Pertandingan Pilihan Juri turut diperkenalkan antaranya

Best Airbrash, Best Sticker, Best Engine Bay, Best K – Car JDM, Best Mira Looks, Best Loco, Best VIP Style, Best Sport Rims, Best Hello Kitty, Best Audio & Lighting dan The Best Car Club.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
[Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)
[Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)